

BEBERAPA PERBEZAAN ANTARA DEMOKRASI DAN KEPIMPINAN ISLAM

Ahmad Redzuwan Mohd Yunus
Universiti Kebangsaan Malaysia

Abstract

The purpose of this article is to identify characteristics which distinguish the two administrative systems in the world. Its main objective is to examine and choose a better system that could be applied in ruling a country. To achieve the above objectives, the study review some major writings in the field. This comparative study focuses on several issues namely state, the head of state, sovereignty, law, the role of the citizen, election and electoral system, parliament and *majlis syura*. As a result of the comparison, the study found that Islamic system of leadership is superior to that of than democratic type.

Abstrak

Penulisan ini bertujuan mengenal pasti ciri-ciri yang membezakan antara dua sistem pemerintahan yang pernah ditegakkan oleh manusia. Tujuan perbandingan dibuat adalah untuk melihat sistem yang lebih baik untuk diimplimentasikan dalam kehidupan bernegara. Bagi mencapai objektif di atas, metode kepustakaan telah digunakan dengan merujuk kepada buku-buku yang terfokus kepada dua sistem kepimpinan tersebut. Kajian perbandingan ini menfokuskan kepada beberapa isu seperti persoalan negara, ketua negara, kedaulatan tertinggi, undang-undang, peranan rakyat, pilihan raya dan pencalonan, dan parlimen serta majlis syura. Kajian ini merumuskan bahawa kepimpinan secara Islam itu lebih unggul berbanding dengan sistem pemerintahan secara demokrasi.

DEFINISI DEMOKRASI

Perkataan demokrasi berasal dari perkataan Greek iaitu *demos* (rakyat) dan *kratos* (kekuasaan). Penggabungan perkataan demokrasi membawa maksud *kekuasaan rakyat* (Hymas, 1973: 72). Satu definisi demokrasi yang paling mudah disebut sebagai pemerintahan dari rakyat (*government by the people*) (Pennock, 1979: 3). Ianya merupakan satu bentuk kerajaan di mana kedaulatan pemerintahan itu adalah dari rakyat dan ditadbir oleh rakyat sendiri atau pentabdir-pentabdir yang dipilih oleh rakyat. Menurut Robert A. Dahl (1983: 34-35), demokrasi adalah satu sistem yang memberi peluang kepada rakyat jelata untuk melibatkan diri dalam pembuatan keputusan atau pembentukan dasar.

Jika diteliti definisi di atas, terdapat dua pendekatan sistem berkenaan yang telah dan pernah diguna pakai oleh masyarakat iaitu sistem demokrasi secara langsung (*direct democracy*) dan demokrasi secara tidak langsung (*indirect democracy*). Demokrasi secara langsung adalah suatu sistem politik di mana rakyat secara langsung membuat sesuatu keputusan. Ini bermakna seluruh rakyat dikehendaki hadir di suatu tempat apabila ketetapan hendak dibuat. Manakala demokrasi secara tidak langsung pula ialah suatu sistem politik di mana rakyat membuat sesuatu keputusan yang penting dengan secara tidak langsung (melalui perwakilan), iaitu ketetapan dibuat oleh anggota perwakilan yang telah dipilih oleh rakyat sendiri (Holden, 1974: 26).

Pemerintahan demokrasi adalah didasarkan bahawa semua manusia bebas dan semuanya mempunyai hak yang sama. Pemerintahan ini juga mengakui hak sesama rakyat dalam menyatakan pendapat. Oleh itu, ada orang yang berkata bahawa di dalam demokrasi, suara rakyat hendaklah didengar sekalipun dari golongan minoriti dalam sesebuah negara. Sesuatu yang diberi nilai dalam demokrasi ialah menghormati semua pendapat tanpa mengira pendapat itu datang dari golongan yang paling kecil di dalam masyarakat. Nilai-nilai inilah menyebabkan kesimpulan telah dibuat oleh pakar-pakar ilmu politik bahawa politik menurut demokrasi ialah melahirkan sebuah kerajaan dari rakyat dan untuk rakyat.

Berdasarkan kepada definisi yang dibawakan, dapat dirumuskan bahawa demokrasi adalah satu sistem pemerintahan yang mengandungi dan mengamalkan ciri-ciri berikut:

- i. Kuasa tertinggi sesebuah pemerintahan demokrasi terletak di tangan rakyat dan ianya tidak boleh dipusakai.

- ii. Adanya anggota perwakilan yang dipilih oleh rakyat untuk mewakili mereka, terutama setelah demokrasi secara langsung tidak lagi berfungsi.
- iii. Semua warganegara adalah sama, tiada keistimewaan antara satu sama lain.

DEFINISI KEPIMPINAN ISLAM

Kepimpinan secara umum merupakan satu cara mengorganisasikan kegiatan manusia melalui pemusatan kuasa untuk mencapai matlamat kehidupan bermasyarakat yang dicita-citakan. Ibn Taymiyyah (1971: 137) menyatakan bahawa kepimpinan adalah merupakan tuntutan utama agama, tanpa kepimpinan urusan pentadbiran agama dan bangsa tidak dapat dijalankan secara sempurna. Manakala Abd. Talib Md. Zin (1972: 42) mendefinisikan kepimpinan sebagai satu seni untuk menyusun, menyelaras dan mencari perangsang kepada individu atau kumpulan untuk menyampaikan cita-cita satu-satu pertubuhan.

Secara khususnya, kepimpinan Islam merupakan suatu proses yang dapat menggerakkan sekumpulan manusia untuk memenuhi kehendak Islam bagi jangka masa pendek dan panjang yang mampu menghasilkan suatu wawasan untuk menuju matlamat Islam (Berhanundin Abdullah, 1997: 98). Ini bermaksud kepimpinan Islam itu sebagai kepimpinan yang menurut cara-cara Islam seperti yang diasaskan oleh Rasulullah SAW untuk mewujudkan masyarakat yang menuju ke arah *al-falah* (mendapat kejayaan di dunia dan akhirat). Menurut Muhammad Tahyir Rahbar (1986: 13) pemimpin yang membawa dasar-dasar kepimpinan Islam itu disebut sebagai pemimpin yang menjalankan politik (*siasah*) ketuhanan, manakala pemimpin yang tidak membawa asas-asas kepimpinan Islam dikatakan sebagai pemimpin yang menjalankan politik (*siasah*) syaitan.

Bertunjangkan kepada konsep *al-falah*, maka tujuan kepimpinan Islam ditegakkan untuk menggerakkan jemaah ke arah memenuhi ruang lingkup perjuangan para *Anbiya'*. Secara keseluruhannya sifat-sifat perjuangan para *Anbiya'* ialah ke arah (Zawawi Ali & Mohammad Kamil Abd. Majid, 1983: 6-7):

- i. Mencetuskan revolusi pemikiran dan pandangan hidup manusia kepada tuntutan Islam agar Islam itu dijiwai pemikiran, tujuan serta matlamat hidup, akhlak dan peradaban manusia.

- ii. Pembentukan jemaah yang terdiri daripada Muslim dengan menegakkan kekuasaan Islam secara halal.
- iii. Menegakkan negara Islam, mengatur urusan dunia atas dasar Islam, memperluaskan pengaruh Islam ke seluruh dunia serta pendidikan moral dan intelek melalui contoh dan teladan kepada seluruh manusia.

Untuk mencapai tujuan tersebut, umat Islam dituntut menjadikan kehidupan mereka untuk mendapat keberkatan, rahmat dan keredhaan Allah SWT. Ini bermaksud segala amal yang dilakukan adalah semata-mata keranaNya. Oleh itu, dalam menuju kepada pengabdian diri kepada Allah SWT, keikhlasan, ketakwaan dan ketaatan adalah perkara penting yang perlu diambil kira. Justeru itu sebagai seorang pemimpin, selain menyeru mereka yang berada di bawah pimpinannya kepada *amar makruf* dan *nahi mungkar*, dia haruslah menjadi contoh teladan untuk meyakinkan orang yang dipimpinnya. Dalam erti kata yang lain, pemimpin juga berperanan sebagai membentuk akhlak yang cemerlang di kalangan masyarakatnya. Di samping itu, sistem kepimpinan ini juga berfungsi menyatu-padukan masyarakat, agar masyarakat hidup dalam keadaan aman damai di bawah naungan pemerintahan seseorang pemimpin. Tujuannya tidak lain dan tidak bukan adalah semata-mata untuk mewujudkan sebuah negara yang mendapat keredaan daripada Allah SWT.

ASPEK-ASPEK PERBEZAAN ANTARA DEMOKRASI DAN KEPIMPINAN ISLAM

Terdapat beberapa perbezaan antara sistem pemerintahan demokrasi dan kepimpinan Islam yang boleh ditonjolkan seperti perbezaan dari sudut negara, ketua negara, kedaulatan tertinggi, undang-undang, peranan rakyat, politik, pilihan raya dan pencalonan serta parlimen dan majlis syura. Kesemua aspek-aspek tersebut terdapat satu perbezaan yang agak ketara kerana kedua-dua sistem tersebut berpunca dari dua sumber yang berlainan iaitu dari Barat dan Islam. Aspek-aspek perbezaan di atas dapat dijelaskan seperti berikut:

Negara

Negara menurut Philip Babcock Gove (1961: 2228), adalah sejumlah orang yang mendiami secara bermastautin dalam sesuatu wilayah tertentu

dan diorganisasikan secara politik di bawah suatu pemerintahan yang berdaulat, yang hampir sepenuhnya bebas daripada pengawasan luar serta mempunyai kuasa pemaksa demi mempertahankan generasi dan masyarakat. Manakala Ibn Khaldun (tanpa tahun: 41) berpendapat negara adalah hasil daripada kehidupan manusia, di mana kehidupan memerlukan kehidupan kemasyarakatan serta berorganisasi, dan kemasyarakatan manusia itu adalah sesuatu yang mesti. Daripada dua definisi yang diutarakan, dapat dirumuskan bahawa yang pertama lebih memperlihatkan negara itu dari sudut politik iaitu negara yang berdaulat dan mempunyai kekuasaan terhadap rakyat di dalam wilayahnya, manakala definisi yang kedua pula memperlihatkan negara itu kepada keperluan yang perlu diwujudkan untuk kehidupan manusia. Sebenarnya terdapat banyak takrif yang dikemukakan oleh para sarjana untuk mendefinisikan negara. Misalnya sepertimana pendapat yang diutarakan oleh Lasswell dan A. Kaplan (1950: 181) yang telah mendefinisikan negara sebagai satu kumpulan (manusia) yang tinggal di sesebuah wilayah yang berdaulat. Manakala Robert A. Dahl (1983: 17) pula menyifatkan negara sebagai satu sistem politik yang didirikan oleh orang-orang yang bermastautin.

Sementara itu, negara Islam mempunyai pengertian yang berbeza dengan pengertian di atas, di mana *dar al-Islam* ialah sebuah negara yang diurus dan dijalankan berasaskan undang-undang syariah (Abdul Karim Zaidan 1983: 13). Pandangan ini bersesuaian dengan pandangan Muhammad Asad (1961: 1) yang berpendapat sesebuah negara benar-benar menjadi sebagai sebuah negara Islam hanyalah dengan keharusan pelaksanaan yang sewajarnya dari ajaran Islam terhadap kehidupan bangsa dengan jalan menyatukan ajaran itu ke dalam undang-undang negara.

Pemerintahan dalam negara demokrasi pula berasaskan fahaman sekularisme dan nasionalisme di mana kedua-dua fahaman ini berjalan seiring. Prinsip ini memang wujud dalam kebanyakan negara moden sekarang ini sebagai negara nasional demokrasi sekular. Ia juga dikira gambaran yang paling tinggi dan metode yang *ideal* bagi sistem hidup bertamadun atau penyusunan masyarakat. Sekularisme membataskan hubungan antara Allah SWT dengan manusia kepada urusan peribadi semata-mata dan memisahkan pula hubungan itu daripada masyarakat. Ini jelas sebagaimana yang telah ditegaskan oleh Rousseau dalam pembentukan negara demokrasi, di mana negara hendaklah dipisahkan dari agama. Ini bererti pemerintahan negara terkeluar daripada batas-batas agama. Semua urusan

negara dipulangkan kepada kuasa rakyat sepenuhnya atau manusia sematamata. Negara tersebut juga mengamalkan konsep kedaulatan negara. Ini menandakan keadaan kuasa tertinggi yang dimiliki oleh pemerintah yang berkuasa berada di dalam lingkungan wilayah negaranya sahaja. Kedaulatan ini ditujukan kepada semua individu dan pertubuhan di dalam negara berkenaan. Setiap individu dan pertubuhan berkenaan mestilah patuh kepada segala arahan dan perintah yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa. Kedaulatan bentuk ini tidak berfungsi di luar batas wilayah negaranya.

Terdapat beberapa ciri untuk mengenali sesebuah negara yang dilabelkan sebagai negara demokrasi. Ciri-ciri tersebut ialah rakyat menikmati kebebasan, kesamarataan dan hak-hak asasi, warganegara yang cukup umur boleh mengundi dan bertanding dalam pilihan raya yang diadakan, pengundian dalam pilihan raya dibuat secara sulit, pilihan raya dijalankan secara bebas, kemenangan berasaskan bilangan undi yang banyak, parti yang memenangi pilihan raya diberi mandat untuk memerintah dan semua undang-undang digubal oleh badan perwakilan rakyat (parlimen).

Dalam pada itu, penubuhan negara demokrasi mempunyai tujuan yang tertentu. Misalnya Aristotle berpendapat bahawa negara dibentuk dan dipertahankan kerana negara bertujuan untuk menyelenggarakan kehidupan yang baik bagi semua warganegaranya (Lukman Thaib, 1998: 28). Sementara John Locke menganggap bahawa tujuan penubuhan sesebuah negara adalah untuk kebaikan umat manusia. Kedua-dua tokoh ini walaupun berada di zaman yang berlainan tetapi matlamat bernegara adalah sama (*Ibid*).

Manakala negara kepimpinan Islam adalah negara yang ditegakkan berlandaskan al-Qur'an dan as-Sunnah. Kedua-dua sumber tersebut berfungsi sebagai pembimbing negara yang dapat memberikan keadilan kepada rakyat. Ini jelas dalam firman Allah SWT (al-Qur'an, al-Hadid: 57: 25) yang bermaksud:

"Sesungguhnya Kami telah mengutuskan Rasul-rasul Kami membawa keterangan yang jelas, dan Kami turunkan bersama mereka Kitab dan neraca keadilan,¹ supaya manusia dapat berdiri menegakkan keadilan."

¹ Sayyid Qutb (2000: 533) dalam tafsirnya *Fi Zilal al-Qur'an* telah menerangkan bahawa neraca keadilan yang diturunkan oleh Allah SWT dalam setiap risalahNya itu merupakan satu-satunya jaminan yang dapat menyelamatkan umat

Di samping itu, negara tersebut juga melaksanakan konsep amar makruf dan nahi mungkar dalam segala hal sama ada dalam permasalahan politik, ekonomi, pentadbiran, pendidikan, kemasyarakatan dan sebagainya. Perlaksanaan ini akan menyebabkan semua pintu kezaliman tertutup (Khomeini, 1979: 5). Konsep kedaulatan negara juga diamalkan, dimana negara kepimpinan Islam hanya berkuasa di dalam wilayahnya sahaja dan konsep jihad peperangan tidak boleh dilancarkan sekiranya negara kufar tidak mengganggu dan menyerang penduduk negara kepimpinan Islam.

Lebih jauh daripada itu, negara kepimpinan Islam merupakan negara kebajikan sejagat. Hal ini dapat dibuktikan apabila ia mengambil kira semua kegiatan manusia tanpa ada pengecualian. Oleh itu, setiap bidang kehidupan manusia mesti digerakkan dengan nilai akhlak al-Qur'an dan as-Sunnah sebagai garis panduan untuk manusia. Di dalamnya terkandung cara-cara mentadbir sesebuah negara seperti *muamalat*, *munakahat*, jenayah, sistem *faraid* dan sebagainya.

Berdasarkan hal di atas, kita melihat bahawa tujuan penubuhan negara Islam amat jelas untuk kebaikan manusia sama ada di dunia mahupun di akhirat, iaitu (Lukman Thaib, 1998: 28):

- i. Untuk mengelakkan eksploitasi antara manusia, kelompok atau kelas dalam sesebuah masyarakat.
- ii. Untuk memelihara kebebasan (ekonomi, politik, pendidikan dan agama) dan melindungi seluruh warganegara dari penceroboh asing.
- iii. Untuk menegakkan sistem keadilan sosial yang seimbang sebagaimana dikehendaki oleh al-Qur'an.
- iv. Untuk membenteras setiap kejahatan dan mendorong setiap kebaikan dengan tegas seperti yang telah digariskan di dalam al-Qur'an.
- v. Menjadikan negara sebagai tempat yang aman damai bagi setiap warganegara dengan menjalankan hukum tanpa diskriminasi.

manusia dari segala ribut taufan, gempa, kekacauan, goncangan-goncangan yang menimpa mereka dalam medan pergolakan hawa nafsu, sentimen-sentimen dan gelanggang-gelanggang pertandingan dan menyintai diri masing-masing. Satu neraca keadilan yang teguh pastinya ditegakkan agar semua manusia dapat kembali kepadanya dan agar mereka menemui kebenaran, kesaksamaan dan keadilan yang tidak memilih bulu.

Ketua Negara

Ketua negara merupakan seseorang yang bertanggungjawab memimpin sesebuah negara yang diterajui dan berperanan mencapai matlamat dalam sistem pemerintahan yang diterajunya, sama ada sistem tersebut merupakan sistem demokrasi mahupun sistem kepimpinan Islam.

Dalam sistem pemerintahan demokrasi, ketua negara adalah sebagai wakil seluruh rakyat untuk memimpin negara. Kuasa memerintah diberi dengan kebenaran rakyat atau kerelaan rakyat melalui pilihan raya, di mana pemimpin dari parti yang menang berhak memegang kepimpinan negara. Oleh kerana ketua negara memerintah dengan kerelaan rakyat, maka cara pemerintahannya hendaklah mengikut aspirasi dan kehendak rakyat. Lazimnya, mereka akan memerintah dalam tempoh waktu tertentu iaitu kira-kira selama 4-5 tahun bergantung kepada sistem demokrasi yang diguna pakai, sama ada demokrasi berpresiden atau demokrasi berparlimen. Tidak disyaratkan ketua negara demokrasi itu seorang lelaki. Buktinya kita boleh melihat, di mana terdapatnya tokoh-tokoh wanita yang memimpin negara demokrasi seperti yang berlaku di Britain, Filipina dan Pakistan. Namun begitu, ketua negara demokrasi biasanya mempunyai ciri-ciri seperti mempunyai ilmu pengetahuan, berketrampilan dalam politik, diberi kepercayaan oleh anggota parti dan mempunyai anggota yang sempurna. Manakala mengenai tugas ketua negara pula, Adam Smith telah membahagikan kepada tiga tugas penting (Raphael, 1976: 27) iaitu melindungi kerajaan daripada kekejaman dan serangan, melindungi rakyat dari ketidakadilan dan menetapkan pentadbiran serta menyediakan pekerjaan kepada rakyat.

Bagi sistem kepimpinan Islam pula, Ketua Negara dikenali sebagai Khalifah, Imam dan Amir al-Mukminin. Mereka adalah pemegang amanah Allah SWT untuk melaksana dan menguatkuasakan syariatNya dalam sesebuah negara yang diperintahnya. Mereka juga sebagai pemimpin umat sebagai ganti kepada pemerintahan Rasulullah SAW. Untuk menjamin kestabilan pemerintahan ini, ulama Islam telah menentukan beberapa syarat yang perlu ada pada seseorang yang akan dilantik menjadi ketua negara Islam. Kebanyakan ulama menetapkan tujuh ciri penting yang perlu ada pada ketua negara (al-Mawardi, 1966: 6) iaitu mempunyai sifat *al-'adalah*, tahap keilmuan yang tinggi, kesempurnaan pendengaran, penglihatan dan pertuturan, pengalaman politik yang luas, anggota yang sempurna,

keberanian dan ketabahan serta pengaruh yang kuat, sama ada melalui keturunan dan sebagainya.

Ibn Taymiyyah (1969: 6-12) telah menambah satu ciri lagi iaitu seorang yang hendak dilantik sebagai pemimpin hendaklah yang terbaik berdasarkan konsep *al-Islah fa al-Islah* iaitu memilih yang terbaik di antara yang baik. Manakala orang yang hendak dilantik, bukanlah orang yang meminta-minta jawatan tersebut. Menurut Ali Mansur (1981: 203-204), pemilihan ketua negara Islam dijalankan oleh satu komiti yang mewakili rakyat umum. Kumpulan ini dikenali sebagai *ahl al-hal wa al-'aqd* atau sebagai *ahl al-ikhtiar* atau dikenali juga dengan *ahl al-ijtihad* iaitu ahli-ahli ijtihad (*Ibid*). Tiada tempoh pemerintahan bagi seorang ketua negara Islam. Para sarjana Islam telah memberikan pendapat yang berbeza dalam hal tempoh perkhidmatan seseorang pemimpin dalam Islam.

Ini adalah kerana ekoran tiadanya nas yang *qat'i* menetapkan tempoh perkhidmatan tersebut. Menurut Abdul Qadir Awdah (1977: 184), kematian adalah asas dalam menentukan tempoh perkhidmatan seseorang ketua negara Islam. Manakala mengikut Muhammad Yusuf Musa (1963: 52), jawatan ketua negara tidak akan terlucut selagimana ia tetap berpegang dengan al-Qur'an dan as-Sunnah. Namun begitu, tidaklah semestinya seseorang ketua negara akan memegang jawatan tersebut selama-lamanya, malah ia perlu juga dilihat kepada perjanjian beliau dengan rakyat jelata dan mengikut daya kemampuan fizikal. Ini bermakna, selagi rakyat masih mengekalkan *bai'ah* dengan pemimpin tersebut selagi itulah beliau akan kekal dalam jawatannya. Apabila berlaku perkara yang membatalkan perjanjian, bererti kedudukan sebagai ketua negara akan terlucut. Disamping itu, terdapat juga pendapat yang mengatakan bahawa di antara perkara yang menyebabkan tempoh perkhidmatan sebagai ketua negara tamat ialah apabila seseorang itu menarik diri secara sukarela daripada memegang jawatan dan apabila ketua negara hilang kelayakan untuk memegang jawatan tersebut (Lukman Thaib, 1998: 234).

Kedaulatan Tertinggi

Kedaulatan bermaksud sebagai yang berkuasa atau kekuasaan yang paling tinggi. Ia berasal dari perkataan Latin *supremus* yang bererti agung. Menurut bahasa Perancis ia disebut sebagai *soverainete* dan bahasa Itali disebut sebagai *sovranus* dan *sovereignty* disebut dalam bahasa Inggeris. Manakala dalam bahasa Arab moden disebut sebagai *al-siyadah* dan al-

Qur'an menggunakan istilah *al-mulk* untuk menjelaskan maksud kedaulatan. Dalam erti kata yang mudah ia merujuk sebagai kuasa yang mutlak. Kuasa yang ada pada kompenen berkenaan tidak boleh dipertikaikan. Salah seorang ahli falsafah Barat dalam abad ke-16 iaitu Blackstone menerangkan teori kedaulatan itu merupakan perkara tertinggi dan paling berkuasa (K. Ramanathan, 1992: 274).

Konsep kedaulatan merupakan salah satu konsep yang penting untuk menegaskan sesuatu pemerintahan. Oleh itu, untuk memahami konsep kedaulatan yang sebenar, golongan cendekiawan politik yang mempelopori konsep ini pada peringkat awal telah memperkenalkan beberapa ciri. Ciri-ciri yang perlu ada dalam kedaulatan tersebut ialah bersifat kekal, tidak boleh dipisahkan daripada negara, kuasa tertinggi, tidak terbatas, mutlak dan kedaulatan negara meliputi seluruh rakyat serta merangkumi setiap pelusuk wilayah negara berkenaan.

Dalam sistem pemerintahan demokrasi, kedaulatan adalah dari rakyat, di mana rakyat mempunyai hak untuk memilih pemimpin. Hak rakyat untuk mengundi tidak boleh disekat oleh kerajaan atau pemerintah. John Locke berpendapat, kedaulatan adalah hak semulajadi rakyat dalam mengamalkan demokrasi tetapi hak ini biasanya tersembunyi (Julian H. Franklin, 1978: 46-48). Beliau menegaskan, rakyatlah yang berdaulat dalam memilih bakal pemimpin mereka dan memperjuangkan hak-hak asasi masyarakat. Dalam menentukan corak dan halatuju pemerintahan inilah rakyat berdaulat oleh kerana keputusan muktamad datangnyanya dari mereka. Oleh kerana itulah jika rakyat tidak bersetuju dengan tindak-tanduk pemerintah, dia boleh digulingkan. Contohnya kejatuhan Presiden Marcos dan Suharto adalah akibat dari keengganan rakyat menerima mereka lagi sebagai pemimpin. Dengan ini amat jelas, kedaulatan dalam sistem demokrasi adalah merujuk kepada manusia iaitu di kalangan rakyat .

Namun kedaulatan bagi kepimpinan Islam adalah milik Allah SWT kerana negara Islam adalah negara yang tunduk kepada undang-undang Allah SWT. Oleh itu, kuasa tertinggi ialah milik Allah SWT kerana Dialah Pembuat undang-undang untuk manusia (Khomeini, 1979: 6). Manakala para pemimpin hanyalah melaksanakan perintah Allah SWT untuk mewujudkan keadilan dan kebenaran di kalangan manusia sejagat. Kalau kedaulatan terletak pada Allah SWT, adakah Allah SWT merampas hak masyarakat dalam penggubalan undang-undang? Al-Mawdudi (1968: 33) menjelaskan tidak, malahan hal itu merupakan perlindungan dan jaminan

keselamatan manusia dari kesesatan dan huru-hara. Ini kerana manusia dengan akalunya tidak mampu menggubal undang-undang yang menyeluruh, tepat dan mutlak, sedangkan Allah SWT yang Maha Berkuasa lagi Maha Mengetahui adalah lebih arif tentang *fitrah* semulajadi dan keperluan manusia. Dialah yang lebih pakar dalam mengatur sesuatu yang membawa kebahagiaan sejagat. Oleh kerana kedaulatan di dalam kepimpinan Islam adalah milik Allah SWT, maka amat jelas ianya membatalkan kedaulatan tertinggi yang ada pada manusia.

Undang-Undang

Undang-undang adalah sesuatu yang berpengaruh dan menjadi keutamaan dalam sesebuah negara. Undang-undang mempunyai pengertian yang luas dan banyak pengertian yang dikemukakan oleh para sarjana. Menurut Green (1921: 110), undang-undang ialah sistem kewajipan yang dikuat kuasakan oleh negara. Manakala Pound (1922: 60-68) pula berpendapat bahawa undang-undang adalah satu badan prinsip yang diterima oleh rakyat jelata dan mempunyai dewan atau badan kehakiman untuk menguatkuasakan undang-undang itu. Undang-undang diperlukan oleh manusia untuk menjamin keamanan dan kemakmuran bagi sesebuah negara. Undang-undang hendaklah dihormati dan dipatuhi oleh setiap individu. Kesemua ini adalah untuk kestabilan masyarakat.

Bagi sesebuah negara yang menggunakan demokrasi sebagai sistem pemerintahannya, undang-undang yang digubal adalah merujuk kepada bangsa dan keadaan negara tersebut. Ia mempunyai badannya yang tertentu sebagai pembuat, pengubal dan meluluskannya. Undang-undang ini diambil dari pelbagai sumber. Mengikut A. Appadaroi (1968: 59-67) yang mengemukakan pendapat Holland tentang asal usul atau sumber undang-undang telah mengemukakan enam sumber undang-undang bagi sesebuah negara demokrasi iaitu adat resam, agama, perbincangan saintifik, pengadilan dan hukuman, ekuiti dan perundangan. Selain daripada enam sumber di atas, kepercayaan sesuatu kaum, adat, perjanjian, warta kerajaan, ulasan undang-undang, penyusunan semula undang-undang dan perlembagaan turut menjadi sumber undang-undang bagi pemerintahan demokrasi.

Manakala undang-undang dalam sistem kepimpinan Islam berpandukan wahyu Allah SWT iaitu daripada al-Qur'an dan as-Sunnah. Ia adalah sumber yang tidak akan berubah hingga ke akhir zaman kerana ia (al-Qur'an) terpelihara di sisi Allah SWT yang merupakan mukjizat yang

terbesar di atas muka bumi dan mempunyai kekuatan yang tersendiri. Sekiranya sesuatu perlakuan atau perbuatan manusia itu tidak terdapat dalam kedua-dua sumber tersebut, maka di sana terdapat sumber yang seterusnya untuk menyelesaikan segala permasalahan yang timbul yang dikenali sebagai ijtihad. Islam memandang pelaksanaan undang-undang Islam merupakan satu amanah daripada Allah SWT ke atas seluruh umat manusia yang beragama Islam. Malahan merealisasikan kalimah Allah SWT atau pelaksanaan syariah dalam erti kata yang sebenarnya adalah merupakan matlamat dan tugas tunggal manusia di atas muka bumi ini. Tidak ada sesiapaupun yang terkecuali daripada pelaksanaan hukuman undang-undang tersebut walaupun seorang ketua negara.

Peranan Rakyat

Konsep rakyat dalam sistem demokrasi juga diistilahkan sebagai konsep nasionalisme, di mana kepentingan dan keinginan rakyat satu-satunya menjadi ukuran bagi mengimbang sesuatu keputusan. Oleh itu, demokrasi dalam konteks kemajuan moden sekarang berhakimkan orang ramai, iaitu setiap orang di setiap kawasan bebas mutlak dalam urusan bagi memenuhi kumpulannya dan undang-undang bagi kawasan yang berkenaan adalah mengikut selera mereka. Rakyat juga berhak membantah jika mereka tidak menyetujui keputusan yang diambil oleh pihak pemerintah. Tindakan membantah ini boleh diluahkan melalui demonstrasi secara aman atau sebagainya (sama ada melalui media elektronik atau cetak yang sesuai dengan prinsip kebebasan bersuara).

Lebih utama peranan yang perlu dilakukan oleh rakyat ialah memilih pemimpin negara melalui hak sebagai pengundi berdaftar. Dalam hal ini rakyat harus sedar bahawa mereka adalah sumber utama dalam membentuk kelompok pemerintah. Secara tidak langsung rakyat memiliki kekuatan yang boleh membentuk kerajaan.

Melalui pilihan raya, rakyat berhak menyokong mana-mana parti yang bertanding. Malah mereka juga berhak menganggotai mana-mana parti politik yang disukainya. Namun, di sinilah perlunya kepada kesetiaan rakyat bagi memastikan keutuhan parti tersebut. Kesetiaan yang dimaksudkan di sini ialah rakyat memberi sepenuh kesetiannya kepada perjuangan yang dibawa oleh parti tersebut bagi menjamin masa depan bangsa dan negara.

Dalam sistem kepimpinan Islam, rakyat pula mestilah mengetahui tanggungjawab yang harus mereka pikul. Antaranya ialah (Mohamed Abu *et. al*, 1998: 70):

a. Memilih pemimpin yang beriman kepada Allah

Pemilihan pemimpin yang beriman kepada Allah SWT adalah penting kerana kecemerlangan sesuatu masyarakatnya terletak di bahu para pemimpin. Sekiranya rakyat memilih pemimpin yang beriman, maka akan terbentuklah masyarakat yang cemerlang kerana sudah pasti pemimpin tersebut akan memandu rakyatnya ke jalan yang diredhai oleh Allah SWT dan begitulah sebaliknya, pemimpin yang tidak beriman akan melahirkan majoriti masyarakat yang jahil. Oleh itu, keimanan merupakan tonggak pembinaan masyarakat mithali. Ini jelas dalam firman Allah SWT (al-Qur'an, al-Bayyinah 98: 7) yang bermaksud:

“Sesungguhnya mereka yang beriman dan mengerjakan amal soleh, mereka adalah sebaik-baik makhluk.”

b. Hendaklah patuh dan taat kepada pemimpin.

Rakyat perlulah taat kepada pemimpin mereka selagi mana pemimpin tersebut masih taat dan patuh kepada suruhan Allah SWT dan RasulNya. Malah melaksanakan ketaatan itu sebenarnya perlu ditegaskan oleh pemimpin sendiri. Inilah yang dilakukan oleh para Sahabat seperti Saidina Abu Bakar dan Saidina 'Umar al-Khattab kepada masyarakat di bawah pemerintahannya. Pentingnya perihal ketaatan ini ditegaskan oleh Allah SWT (al-Qur'an, al-Nisa' 4: 59) yang bermaksud:

“Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah, dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan juga kepada Uli al-Amr (orang yang berkuasa) dari kalangan kamu. Kemudian jika kamu berbantah-bantah (berselisihan) dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada Allah (al-Qur'an) dan RasulNya (as-Sunnah).”

c. Hendaklah menasihatkan para pemimpin.

Rakyat berperanan dalam soal memerhati segala perancangan dan pembangunan yang dilakukan oleh pemimpin untuk kemaslahatan bersama. Dalam soal pembangunan, penekanan pembangunan spiritual perlu ditekankan berbanding dengan pembangunan fizikal. Sekiranya terdapat kelemahan, maka rakyat hendaklah menegur dengan cara hikmah sebagai

tanda menghormati para pemimpin dan para pemimpin hendaklah menerima secara terbuka segala pembetulan yang dilakukan oleh rakyat. Ini sekaligus terlaksananya konsep dakwah Islamiah dalam sesebuah negara. Penekanan hal tersebut dijelaskan oleh Allah SWT (al-Qur'an, Ali-'Imran 3: 110) yang bermaksud:

"Kamu (wahai'umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia (kerana) kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik, dan melarang daripada perbuatan yang salah (buruk dan keji)."

Politik

Perkataan politik diambil dari perkataan Greek iaitu *polis* yang memberi erti sebuah kota atau *a city* (Abd. Rashid Moten, 1996: 17). Oleh itu mereka telah memusatkan segala aktiviti termasuklah negara dan masyarakatnya ke dalam sebuah ibu kota yang disebut sebagai Athen.

Menurut perspektif Islam, perkataan politik berasal dari istilah Arab yang disebut sebagai *siyasah*. Para sarjana Islam sangat menyedari akan perihai kepentingan ilmu *siyasah* dalam kehidupan bernegara. Oleh itu, Kurdi Ali (1946: 244) menjelaskan keperluan bangsa-bangsa kepada politik, sama dengan keperluan manusia kepada air dan udara. Beliau telah mendefinisikan perkataan *siyasah* sebagai ilmu pemerintahan yang harus dimiliki oleh para ahli yang betul-betul menguasai dasar-dasar pengetahuan dan peraturan dalam bernegara. Dalam sesebuah pemerintahan, politik memainkan peranan yang penting dalam menentukan pihak manakah yang akan memegang teraju pemerintahan sesebuah negara tersebut.

Perkataan politik telah wujud sejak permulaan hidup manusia lagi apabila manusia mula menetap di tebing Sungai Eupharates dan Tigris iaitu tempat yang dikenali sebagai Asia Barat (K. Ramanathan, 1992: 1). Menurut Raphael (1979: 27), politik merangkumi perbuatan dan tingkahlaku rakyat atau sesebuah masyarakat yang membawa kebaikan kepada kerajaan. Manakala Robson (1954: 17-18) berpendapat politik itu adalah jelas berkisar pada perjuangan untuk memperolehi dan mempertahankan kekuasaan, menjalankannya atau mempengaruhi orang lain.

Politik yang terdapat di bawah sistem pemerintahan demokrasi adalah berbeza-beza mengikut tujuan, *target* dan keperluan rakyatnya dalam sesebuah negara tersebut. Ia merupakan satu alat yang boleh menaikkan

nama seseorang sehingga menjadi terkenal dan politik juga boleh menjatuhkan maruah seseorang terutamanya apabila ia tewas dalam sesuatu jawatan yang dipertandingkan. Dalam sistem pemerintahan demokrasi, pembangunan politik amat diperlukan untuk menghidupkan sistem tersebut. Politik yang dianjurkan oleh sistem tersebut adalah politik yang memisahkan antara negara dan agama.

Manakala politik dalam sistem kepimpinan Islam berdasarkan kepada tiga perkara berikut sebagaimana yang telah dijelaskan oleh al-Mawdudi (1982: 37) iaitu tauhid, risalah kerasulan Muhammad dan khilafah. Prinsip tauhid di dalam kepimpinan Islam ini seluruhnya membatalkan kedaulatan hukum dan politik dari manusia, baik secara individu ataupun kolektif. Berdasarkan hakikat tauhidlah, manusia mesti menyerahkan hak atau kekuasaan kepada Allah SWT untuk mengadakan undang-undang yang dapat dimanfaatkan bagi mengatur hidup manusia di dunia ini khususnya dalam pembentukan negara atau pemerintahan (al-Mawdudi, 1968: 27). Ini bermaksud, dalam soal mengada atau mewujudkan perundangan dalam sesebuah negara, al-Qur'an hendaklah diletakkan sebagai sumber rujukan yang pertama oleh pemerintah. Daripada konsep kerasulan Muhammad pula, umat Islam telah menerima dua perkara yang tidak ternilai harganya iaitu al-Qur'an dan as-Sunnah. Sesuai dengan maksud dari kedua-duanya menyeru agar umat Islam menegakkan suatu pola dari sistem hidup dalam Islam dengan melaksanakan hukum Islam. Kombinasi dari kedua unsur inilah dinamakan syariat. Manakala konsep khilafah di dalam kepimpinan Islam pula bererti perwakilan. Islam tidak menghadkan konsep khilafah ini kepada orang tertentu sahaja. Tanggungjawab tersebut diserahkan kepada seluruh anggota masyarakat yang percaya kepada prinsip tauhid dan risalah di samping mempunyai kecekapan dan persediaan untuk melaksanakan segala apa yang dikandungi dan yang dikehendaki oleh perkataan khilafah itu sendiri (al-Mawdudi, 1977: 19).

Pilihan Raya dan Pencalonan

Pilihan raya adalah rukun yang asasi dalam sistem demokrasi. Dalam kepimpinan Islam, ia lebih dikenali sebagai *bai'ah*. *Bai'ah* merupakan pernyataan sikap yang menyokong dengan reda dan ikhlas tetapi pilihan raya adalah sebagai apa yang disebut sebagai pungutan suara. Dalam kepimpinan Islam terdapat juga apa yang dinamakan *al-ikhtiyar al-tabi'i*, di mana rakyat seluruhnya diberi hak memilih ahli syura dan cara memilih

mereka adalah seperti berikut (Lukman Thaib, 1998: 157):

- a. Bakal calon haruslah mengemukakan kertas pencalonan mereka yang mengandungi tandatangan beberapa orang penyokongnya dari kalangan pengundi tempatan yang menyatakan bahawa dia mendapat sokongan dan penghormatan daripada penduduk tempatan.
- b. Bakal calon juga dikehendaki membayar sejumlah kecil bayaran deposit yang tidak dikembalikan dengan tujuan untuk menghalang calon yang tidak serius daripada bertanding. Bagaimanapun, bayaran deposit tersebut haruslah ditetapkan mengikut keupayaan kewangan orang biasa agar membolehkan calon yang miskin ikut serta dalam pencalonan.
- c. Anggota Majlis Syura yang menang dalam pilihan raya haruslah dibayar gaji oleh pemerintah. Hal ini penting supaya Majlis Syura tidak dikuasai oleh golongan yang kaya sahaja dan secara langsung hal ini bertentangan dengan prinsip kesamarataan di dalam Islam dan bercanggah dengan kepentingan ummah.

Pilihan raya yang wujud dikebanyakan negara demokrasi dewasa ini semacam satu perlumbaan atau pertandingan untuk merebut jawatan. Semasa pilihan raya diadakan, lazimnya pencalonan terbuka kepada rakyat untuk bertanding dan ini merupakan perkara yang sering terjadi dalam sistem demokrasi. Cara ini sebenarnya tidak terdapat dalam kepimpinan Islam terutamanya dalam memilih ketua negara dan ahli syura bagi mewakili rakyat dalam Majlis Syura.

Orang yang menawarkan pencalonannya atau cuba memenangi kepimpinan, keahlian majlis penasihat atau mana-mana jawatan penting tidak boleh dipilih. Tidak ada tempat dalam sebuah negara Islam untuk penonjolan calon dan propaganda pilihan raya. Rasulullah SAW melarang, bahawa sesiapa menawarkan pencalonan mereka untuk sesuatu jawatan, kemudian memancing undi dengan mengeluarkan poster-poster, mengadakan rapat-rapat umum, berkempen di dalam akhbar dan cara-cara seperti itu (al-Mawdudi, 1983: 43). Ini adalah kerana penawaran tersebut akan menyebabkan hilangnya fungsi syura dan masyarakat berpecah-belah kerana merebut sesuatu jawatan.

Parlimen dan Majlis Syura

Parlimen adalah dewan perundangan di dalam sistem demokrasi. Kuasanya diperuntukkan oleh perlembagaan. Dalam struktur kerajaan berparlimen (di sesetengah negara), anggota kerajaan atau kabinet secara automatik menjadi anggota parlimen. Mereka bebas untuk berbincang sesama mereka tetapi tidak boleh mendakwa antara satu sama lain kerana ia boleh menyebabkan tindakan mahkamah diambil (K. Ramanathan, 1992: 406). Fungsi utama parlimen ialah membuat undang-undang, di mana kuasa perundangan persekutuan terletak pada parlimen dan ia dianggap berdaulat.

Bagi Majlis Syura pula, ia menjadi tempat rujukan dan tempat perundingan khalifah atau pemimpin Islam dengan orang-orang yang arif tentang undang-undang Allah SWT dan ahli-ahlinya mesti mengikuti keputusan *syura* serta menyebarkan kepada rakyat. Menurut al-Mawdudi (1976: 46), dalam Majlis Syura tidak boleh wujud parti atau golongan di kalangan ahli-ahlinya. Malah majlis tersebut dianggap sebagai padu dan satu. Sebarang panduan yang mereka keluarkan adalah berasaskan kepada iman dan takwa. Keanggotaannya tidak tetap dan ia bergantung kepada keperluan semasa dan kepentingan isu-isu yang dibincangkan. Syarat keanggotaan syura adalah seperti bersifat '*adalah*, tahap keilmuan yang tinggi dalam bidang tertentu, mempunyai kecerdikan dan boleh memberikan pandangan kerana ia merupakan asas dalam sesuatu perbincangan, mempunyai pengalaman yang tinggi dalam bidang tertentu dan mempunyai ikhtisas yang tinggi.

Terdapat beberapa peranan yang penting wujudnya Majlis Syura dalam sistem kepimpinan Islam. Antaranya adalah untuk melakukan pemilihan ketua negara, mendekatkan rakyat dengan pemerintah, menegakkan dan menyebarkan agama Islam, sebagai penasihat kepada pemimpin dan untuk membentuk akhlak mulia dalam kepimpinan.

KESIMPULAN

Setelah meneliti kedua-dua sistem pemerintahan secara demokrasi dan kepimpinan secara Islam, didapati beberapa perbezaan yang terangkum dalam soal negara, kedaulatan tertinggi, undang-undang dan politik. Namun begitu, terdapat juga sedikit persamaan yang terangkum dalam soal perlantikan ketua negara, peranan rakyat dalam menegur atau menasihati pemimpin, pilihan raya dan pencalonan, terutama dari sudut pemilihan calon serta parlimen dan Majlis Syura.

RUJUKAN

- Abd. Rashid Moten. 1996. *Political Science: An Islamic Perspective* . London: MacMillan Press.
- Appadaroi, A. 1968. *The Substance of Politic* . Edisi ke-10. Madras: Oxford University Press.
- Abd. Talib Md. Zin. 1972. "Pemimpin dan Pimpinan." *Dewan Masyarakat* . Sept.
- Abdul Karim Zaidan. 1983. *Role of State and Individual in Islam*. New Delhi: Hindustan Publications.
- Awdah, Abdul Qadir. 1977. *Al-Islam wa Auda'una al-Siyasiyyah*. Al-Kahirah: Dar al-Mukhtar al-Islami.
- Berhanundin Abdullah. 1997. *Amal Jamaie Dalam Organisasi Islam*. Besut: Zabib Enterprise.
- Dahl, Robert. 1983. *Modern Political Analysis*. Edisi ke-4. New Jersey: Englewood Cliff.
- Gove, Philip Babcock. 1961. *Webster's Third New International of English Language*. Springfield: G. and C. Meriam Company.
- Green, T.H. 1921. *Lectures On the Principles of Political Obligation* . London: Logman.
- Hymas, Edward. 1973. *A Dictionary of Modern Revolution* . London: Allen Lane.
- H. Franklin, Julian. 1978. *John Locke and the Theory of Sovereignty* . Cambridge: Cambridge University Press.
- Holden, Barry. 1974. *The Nature of Democracy*. Great Britian: Thomas Nelson & Sons Ltd.
- Ibn Khaldun. t.th. *Muqaddimah*. Misr: al-Maktabah al-Tijari al-Kubra.
- Ibn Taymiyyah, Taqiuddin Ahmad b. 'Abd. Halim. 1969. *al-Siyasah al-Syar'iyah*. Cet. 4. Cairo: Dar al-Kitab al-Arabi.
- Ibn. Taymiyyah, Taqiuddin Ahmad b. 'Abd. Halim. 1971. *al-Siyasah al-Syar'iyah fi Islah al-Ra'i wa al-Ra'yah* . Beyrut: Dar al-Sha'b.
- K. Ramanathan. 1992. *Asas Sains Politik*. Edisi 2. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Kaplan, Abraham & Lasswell, Harold D. 1950. *Power And Society*. New York: Yale University Press.

- Khomeini, A. 1979. An Islamic state-point of view dalam Salem Azzam *Concept of Islamic State*. London: Islamic Council of Erope.
- Lukman Thaib. 1998. *Politik Menurut Perspektif Islam*. Kajang: Synergymate Sendirian Berhad.
- Al-Mawdudi, Abul A'la. 1983. *Teori Politik Islam*. Terj. Kamaruddin Abdul Rahman. Kuala Lumpur: Agensi Media Islam.
- Al-Mawdudi, Abul A'la. 1987. *Prinsip-Prinsip Utama Negara Islam*. 1987. Terj. Insan bin Abdul Ghani Azmi. Kuala Lumpur: Hizbi.
- Al-Mawdudi, Abul A'la. 1982. *Pokok Pandangan Hidup Muslim*. Terj. Osman Rabily. Singapura: Pustaka Nasional Pte. Ltd.
- Al-Mawdudi, Abul A'la. 1977. *Cara Hidup Islam*. Terj. Wan Salim Muhammad Nur. Damascus: The Holy Koran Publishing House.
- Al-Mawdudi, Abul A'la. 1968. *Nazariyah al-Islam al-Siyasiyyah*. Dimasyq: Dar al-Fikr.
- Al-Mawdudi, Abul A'la. 1976. *Political Theory of Islam*. Edisi ke-5. Lahore: Islamic Publication Ltd.
- Mohd Kurdi Ali. 1946. *Aqwaluna wa Af'aluna*. Cairo: Dar al-Mukhtar al-Islami.
- Muhammad Taqyir Rahbar. 1986. *Sistem Politik Di Dalam al-Qur'an*. Kuala Lumpur: Pustaka al-Alami.
- Mohamed Abu, Abdul Samad Jusuh, Abdul Majid Abdullah dan Alias Chik. 1988. *Panduan Hidup Seorang Muslim*. Kuantan: Yayasan Pahang dan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam, Pahang
- Muhammad Asad. 1961. *The Principles of State and Government in Islam*. Gibraltar: Andalusia Publications.
- Al-Mawardi, Abu Hassan 'Ali Muhammad. 1966. *al-Ahkam al-Sultaniyyah*. Al-Kahirah: Maktabah wa Maktabah Mustafa al-Babi al-Halabi wa Auladuhu.
- Mansur, Ali. 1981. *Nizam al-Hukm wa al-Idarah fi Syariat al-Islamiah*. Beirut: Dar al-Fath.
- Muhammad Yusuf Musa. 1963. *Nizam al-Hukm fi al-Islam*. Al-Kahirah: Dar al-Kitab al-'Arabi.
- Pennock, J. Roland. 1979. *Democratic Political Theory*. New York: Princeton University Press.
- Pound, Roscoe. 1922. *An Introduction To the Philosophy of Law*. New Haven: Yale University Press.

- Qutb, al-Syahid Sayyid. 2001. *Tafsir Fi Zilal al-Qur'an*. Terj Yusoff Zaky Hj. Yacob. Kelantan: Pustaka Aman Press.
- Raphael, D.D. 1976. *The Problem of Political Philosophy*. London: Macmillan.
- Robson, W.A. 1954. *Political Science*. Paris: UNESCO.
- Zawawi Ali & Mohammad Kamil Abd. Majid. 1983. *Gerakan Islam-Kepimpinan-Syura-Tarbiyyah*. Shah Alam: Dewan Pustaka Fajar.